

Newspaper

Berita Harian

Date

17 February 2016



Najib ketika sidang media bersama wartawan Malaysia berkaitan Sidang Kemuncak Pemimpin AS-ASEAN sambil diperhatikan Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman (tengah) dan Duta Malaysia ke Amerika Syarikat, Datuk Seri Awang Adek Hussin di Sunnyslands, California.

[FOTO BERNAMA]

“
Dengan ekonomi bernilai AS\$2.4 trilion, penduduk seramai 630 juta orang dan golongan kelas pertengahan yang rancak berkembang, bermakna ASEAN mempunyai potensi besar. Dunia sudah mengetahui kita adalah komuniti ekonomi, maka ini bermakna kita perlu menampilkan sepenuhnya potensi ASEAN”

Najib Razak,
Perdana Menteri

Kerjasama strategik mesti dipertahan: Najib

BH-17/2/2016

» ASEAN diiktiraf blok gagasan 10 negara berpotensi besar



Daripada Abdul Jalil Hamid
jalil@nstp.com.my

» Sunnyslands (California)

Pada sidang media selepas selesai hari pertama Sidang Kemuncak Pemimpin Amerika Syarikat (AS)-ASEAN, Datuk Seri Najib Razak ditanya apa yang dianggapnya sebagai rumusan terpenting susulan mesyuarat bersejarah itu.

Jawapan diberi tidak jauh berbeza dengan harapan Presiden AS, Barack Obama dan pemimpin ASEAN lain, iaitu kerjasama strategik AS-ASEAN mesti dipertahan walaupun selepas penggal perkhidmatan Obama berakhir.

Selaku blok ekonomi yang penting, Najib berkata, ASEAN kini sudah bertambah matang.

“Presiden Obama mengorban-

kan cuti umum hari ini (semalam) untuk menjadi hos sidang kemuncak dan menemui pemimpin ASEAN.

Diiktiraf di pentas dunia

“Ia bermakna ASEAN mendapat pengiktirafan di pentas dunia sebagai blok gagasan 10 negara yang penting dan mempunyai potensi besar.

“Dengan ekonomi bernilai AS\$2.4 trilion, penduduk seramai 630 juta orang dan golongan kelas pertengahan yang rancak berkembang, bermakna ASEAN mempunyai potensi besar.

“Dunia sudah mengetahui kita adalah komuniti ekonomi, maka ini bermakna kita perlu menampilkan sepenuhnya potensi ASEAN,” katanya kepada media Malaysia di sini, malam tadi.

Dalam ucapan alu-aluannya, Obama menyifatkan pertemuan dengan 10 pemimpin negara

anggota ASEAN yang pertama kali diadakan di bumi Amerika itu, sebagai tanda komitmen peribadinya ke arah perkongsian berpanjangan dengan blok ekonomi yang pesat berkembang.

“Tidak banyak rantau yang menyediakan peluang dalam abad ke-21 seperti Asia-Pasifik.

“Itu sebabnya pada awal penggal perkhidmatan dulu, saya memutuskan Amerika Syarikat sebagai negara Pasifik, akan mengimbangi dasar luar dan berperanan lebih meluas di Asia Pasifik dalam jangka panjang.

“Ini termasuk perbincangan dengan Asia Tenggara dan ASEAN selaku pusat keamanan dan kemakmuran rantau itu, selain berkongsi matlamat membentuk ketetapan serantau dengan setiap negara mematuhi peraturan yang sama,” katanya.

Pada mesyuarat yang diadakan

di pusat peranginan Sunnyslands, semua pemimpin duduk di meja berbentuk ladang kuda.

Sesuai dengan persekitaran santainya, semua pemimpin mengenakan sut tanpa tali leher. Mereka kemudian menghadiri majlis makan malam dan mengadakan perbincangan terbuka mengenai Laut China Selatan serta beberapa isu strategik lain.

Dalam ucapan ringkasnya sebelum itu, Obama mengimbau zaman membesar di Indonesia bersama ibunya. Sejak menjadi Presiden, Obama sudah beberapa kali melawat negara Asia Pasifik sebagai sebahagian daripada dasar ‘berpaling ke Asia’ yang dilaksanakan pentadbirannya.

“Anda dan penduduk ASEAN kerap memberi layanan amat istimewa kepada saya dan saya harap kita boleh meneruskan ke-

mesraan itu sepanjang dua hari ini.

“Itu sebabnya saya tidak mengadakan sidang kemuncak ini di Washington. Ia amat sejuk di sana. Salji turun dengan lebat, maka selamat datang ke Sunnyslands yang indah dan cerah,” katanya.

ASEAN dianggotai oleh Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand, Brunei, Vietnam, Laos, Myanmar dan Kemboja.

Mesyuarat berlangsung di lokasi sama Obama menjadi hos kepada Presiden China, Xi Jinping.

Garis fungsi Amerika

Penganalisis berkata, pertemuan itu bertujuan menggariskan fungsi Amerika sebagai pengimbang terhadap perluasan kuasa serantau China, selain menjadi pelabur dan rakan dagang ASEAN.

Hari ini, pemimpin berkenaan akan membincangkan isu maritim, terutama berkaitan Laut China Selatan. China dan beberapa negara ASEAN termasuk Malaysia, mempunyai tuntutan bertindih di perairan itu.

Penasihat Nasional Rumah Putih, Susan Rice, berkata pelaburan oleh syarikat AS di negara ASEAN meningkat dua kali ganda sejak tahun 2008.

Pemimpin turut membincangkan isu Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) yang turut disertai empat anggota ASEAN iaitu Vietnam, Singapura, Brunei dan Malaysia. Negara lain turut menyatakan minat untuk menyertainya.